

## PENGAJARAN ILMU KALAM DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI TERPILIH DI MALAYSIA

Mustafa Kamal Bin Amat Misra<sup>1</sup>

Nurhanisah Binte Senin<sup>2</sup>

Muhammad Faiz Mukmin Bin Abdul Mutalib<sup>3</sup>

Universiti Islam Selangor<sup>1, 2, 3</sup>

(e-mail: mustafakamal@kuis.edu.my)

---

**Abstrak:** Ilmu kalam adalah cabang ilmu yang lahir daripada manifestasi mantiq dan logik. Sejarah tamadun Islam menyaksikan ia berperanan sebagai asas kepada ledakan perkembangan ilmu baru yang kemudiannya dikenali sebagai ilmu sains, kimia dan fizik. Keseiringan pelopor-pelopornya yang juga mahir ilmu falsafah, menjadikan ilmu ini kebiasaannya digandingkan dengan perbahasan-perbahasan yang bersifat falsafah dan tidak dalam cakupan ilmu sains. Namun konteks pengajian ilmu di dunia amnya, malahan juga di Malaysia khasnya, ia hanya dikenal dalam kalangan kumpulan yang berlatarbelakangkan pengajian jurusan usuluddin. Kertas kerja ini memfokuskan pengajaran ilmu kalam di Institusi Pengajian Tinggi terpilih di Malaysia. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif dengan metode tinjauan. Sebagai limitasi kajian, selain fokus kepada informant dan respon dari latarbelakang pengajian Usuluddin, Kajian juga akan memilih responden dan informant terpilih daripada latarbelakang selain pengajian Islam yang difikirkan sesuai beserta justifikasi yang kukuh.

**Keyword:** Ilmu Kalam, Mantiq, Usuluddin

---

### PENGENALAN

Ilmu kalam adalah cabang ilmu yang lahir daripada manifestasi mantiq dan logik. Sejarah tamadun Islam menyaksikan ia berperanan sebagai asas kepada ledakan perkembangan ilmu baru yang kemudiannya dikenali sebagai ilmu sains, kimia dan fizik. Keseiringan pelopor-pelopornya yang juga mahir ilmu falsafah, menjadikan ilmu ini kebiasaannya digandingkan dengan perbahasan-perbahasan yang bersifat falsafah dan ilmu sains. Namun konteks pengajian ilmu di dunia amnya, malahan di Malaysia khasnya, ia hanya dikenal dalam kalangan kumpulan yang berlatarbelakangkan pengajian jurusan Usuluddin. Malahan, silibus subjek ilmu kalam ini biasanya dibincangkan bersama silibus subjek akidah. Justeru penyelidikan ini memfokuskan silibus ilmu kalam dengan meneliti juga silibus ilmu akidah di Institusi Pengajian Tinggi terpilih di Malaysia. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif dengan menggunakan pendekatan

analisis kandungan (*content analysis*) pengajian akidah dan Ilmu Kalam dalam kurikulum Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia.

## **KAJIAN LITERATUR PERKEMBANGAN DAN FUNGSI ILMU KALAM**

Ilmu Kalam memiliki tradisi yang panjang lagi penting dalam Peradaban Keilmuan Islam. Dalam tradisi tamadun ilmu Islam, terdapat sekurang-kurangnya empat disiplin ilmu *aqliyyah* atau *nazariyyah* yang penting iaitu Kalam, Falsafah, Usul Fiqh atau Ilmu Fiqh dan Tasawwuf. Manakala disiplin ilmu yang menjadi sumber rujukan utama isi kandungan ajaran Islam iaitu Tafsir dan Hadis boleh dianggap lebih mendekati disiplin ilmu *naqliyyah* sepetimana yang telah dinyatakan sebelum ini. Ilmu Kalam mempunyai kedudukan yang istimewa dalam tradisi keilmuan Islam kerana ia dianggap sebagai disiplin ilmu yang paling universal (*kulliyyah*) berbanding dengan disiplin ilmu lain yang dianggap khusus (*juz'iyyah*). Ilmu Kalam juga dinamakan oleh Abu Hanifa sebagai Fiqh al-Akbar (Fiqh yang Paling Besar) berbanding dengan Fiqh-Fiqh yang lain. Pelbagai penamaan juga telah diberikan kepada Ilmu Kalam seperti Usuluddin, Tawhid, Akidah dan seumpamanya yang kesemuanya merujuk kepada perananya bagi memperjelas dan menghuraikan pokok-pokok ajaran Islam yang berkaitan dengan Rukun Iman atau keimanan. Tidak menghairankan jika Ilmu Kalam diterima sebagai ilmu yang paling mulia dan tertinggi dalam klasifikasi dan hiraki keilmuan Islam.

Keistimewaan Ilmu Kalam bukan sahaja kerana ia bersifat universal (*kulliyyah*) membicarakan prinsip-prinsip atau aksiom-aksiom Keimanan, Ketuhanan (*Ilahiyyat*), Kenabian (*Nubuwwat*) dan Kebangkitan (*Akhirat/Sam'iyyat*) tetapi juga kerana Ilmu Kalam didahulukan dengan perbincangan tentang Logik (*Mantiq*), Epistemologi (*Nazariyyah al-Ma'rifah*) dan Ontologi (*Mawjudat/Mumkinat*) yang kesemua ini merupakan sifat dan tabiat utama Metasains atau Falsafah Sains. Malah Ilmu Kalam turut membincangkan mengenai Aksiologi (*Tahsin dan Taqbih*), faham nilai yang penting dalam persoalan hubungan antara Ilmu, Nilai dan Etika. Dalam konteks inilah penulisan ini bertujuan mengemukakan betapa Ilmu Kalam sangat relevan dan berpotensi memainkan peranan sebagai Falsafah Sains kerana ciri-ciri Teoretikalnya (*Nazariyyah*), Universalnya (*Kulliyyah*) dan Fundamentalnya (*Usuliyyah*) pada menghuraikan sifat dan tabiat ilmu pengetahuan dan disiplin-disiplin ilmu lainnya.

Selepas kewafatan Rasulullah SAW, umat Islam mula dihadapkan dengan persoalan-persoalan yang berkait-rapat dengan keimanan, kehendak, kebebasan, ketentuan dan kepimpinan. Pengembangan pesat Islam juga menyebabkan pemikiran-pemikiran asing mula mempengaruhi dan mencabar faham-faham asas keimanan umat Islam. Justeru perdebatan tentang persoalan-persoalan ini menumbuhkan satu disiplin ilmu yang dinamakan Ilmu Kalam menjelang abad kedua Islam. Antara tokoh-tokoh awal yang membicarakan persoalan-persoalan Kalam ini termasuklah Hasan bin Muhammad bin al-Hanafiyyah (m.99/718-101/720), Umar b. Abd al-Aziz (m.99/717-101/720) dan al-Hasan al-Basri (m.110/728). Kemudiannya muncul kelompok Qadariyyah melalui Ma'bad dan Ghaylan; juga kelompok Jahmiyyah melalui Jahm bin Safwan (m.128/745-6) dan Dirar bin Amr (m.200/815); sebelum timbulnya mazhab Kalam pertama yang

besar dan berpengaruh iaitu Muktazilah melalui tokoh-tokoh seperti Wasil bin Ata (m.131/748-9), Amr bin Ubayd (m.144/761), Abul-Hudayl al-Allaf (m.227/842), Abu Ali al-Jubba'i (m.303/915-16) dan Abul-Qasim al-Balkhi (m.319/931).

Sebagai reaksi balas kepada pemikiran-pemikiran Muktazilah, pemikiran tokoh-tokoh seperti Ibn Kullab (m.240/854-5), al-Muhasibi (m.243/857) dan al-Qalanisi (hidup abad ketiga/9M) menjadi rujukan awal kepada pembentukan mazhab Kalam Ashai'rah. Abu Hasan al-Ash'ari (m.324/935-6) menjadi pengasas tradisi Kalam Asha'rah yang membentuk mazhab akidah terbesar umat Islam sehingga ke hari ini bersama pengasas mazhab Kalam Maturidiyyah Abu Mansur al-Maturidi (m.333/944) yang dinamakan sebagai akidah Asha'rah-Maturidiyyah.

Kalam Maturidiyyah mempunyai akar yang kuat dari pengaruh Abu Hanifa (m.150/767) melalui kitab beliau *Fiqh al-Akbar*. Tradisi Kalam Asha'rah-Maturidiyyah inilah yang mewakili akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah sebagai arus perdana akidah dan pemikiran Islam di seluruh dunia umat Islam hari ini. Dalam konteks ini, Kalam Asha'rah-Maturidiyyah dengan tradisi yang berakar dari awal Islam dan dengan tradisi yang panjang sepanjang sejarah peradaban umat Islam berpotensi untuk dilakukan proses pembaharuan bagi menghasilkan sintesis baru Ilmu Kalam dengan sains-sains semasa.

Justeru dalam kertas kerja ini, kajian mengambil tiga silibus pengajaran ilmu kalam di Malaysia iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Islam Selangor (UIS) sebagai sampel kajian.

## **SILIBUS PENGAJIAN ILMU KALAM DI UM, UKM DAN UIS: HASIL DAN PERBINCANGAN**

Umumnya silibus pengajian dan pengajaran ilmu kalam yang ditawarkan di Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia difokuskan kepada pengenalan kepada Ilmu Kalam serta isu-isu yang dijadikan perbahasan kalam antara pelbagai aliran pemikiran. Namun di luar skop silibus Ilmu Kalam, silibus-silibus kursus yang lain juga membincangkan perbahasan kalam namun dari sudut pengkhususan silibus masing-masing.

Silibus yang digunakan dalam kurikulum pengajian dan pengajaran Ilmu Usuluddin di UM, UKM dan UIS umumnya adalah bertepatan dengan matlamat pengajaran Ilmu Kalam yang bertujuan untuk mengisbatkan akidah Islamiyah di dalam hati para pelajar sesuai dengan tujuan dirangka disiplin Ilmu Kalam oleh ulama. Berdasarkan penelitian terhadap sumber-sumber teks rujukan pengajian yang digunakan, ternyata karya-karya akidah dari aliran Asha'rah banyak dimasukkan dalam senarai rujukan kursus. Keadaan ini adalah sesuatu yang bukan asing kerana aliran Asha'rah adalah aliran utama dalam Ahli Sunnah Wal Jamaah yang mempelopori disiplin dan praktikal Ilmu Kalam bahkan sudah menjadi pemikiran akidah ilmuwan Islam di Malaysia seiring dengan perkembangan Islam di Malaysia.

UKM yang meletakkan kursus akidah sebagai subjek teras pengajian yang perlu diambil oleh semua pelajar program pengajian Usuluddin dan pelajar program lain di bawah Fakulti Pengajian Islam (FPI) menerusi kursus PY 1182: Akidah Islam adalah wajar dan tepat. Ia sesuai dan bertepatan dengan kedudukan akidah sebagai teras pengajian Islam. Ini bermakna pelajar

Usuluddin dan semua pelajar FPI disediakan dengan maklumat akidah Islam yang lengkap. Di UM pula, menerusi APIUM memperkenalkan kursus IXEU 1102: Pengantar Usuluddin yang meletakkan asas dan dasar pengajian Usuluddin secara umum kepada persoalan utama dalam usuluddin dan perbezaan manhaj di kalangan aliran-aliran Islam. Bermakna, pelajar UM turut didedahkan dengan Firaq Islamiyyah serta pemikiran setiap aliran. Manakala dalam kursus al-Aqidah al-Islamiyyah di UIS membantu menjelaskan maklumat awal berkenaan akidah Islam kepada pelajar supaya menjadi asas dan pegangan kepada Ahli Sunnah Wal Jamaah sebelum pelajar mempelajari kursus Ilmu Kalam. UIS menawarkan kursus Firaq Islamiyyah secara berasingan dan ia boleh dilihat sebagai ilmu pengantar untuk memahami ilmu kalam.

Peranan akidah dalam bidang-bidang pembangunan manusia juga di ketengahkan dalam kursus pengajian akidah. Ia penting kerana penghayatan terhadap prinsip-prinsip akidah bukan sahaja boleh membangunkan ummah, tetapi juga boleh menghidupkan mereka dari 'kematian', kemunduran, ketertinggalan dan keterbelakangan. Ini kerana antara kelemahan umat Islam kini ialah ketertinggalan, dan kemunduran dalam bidang pembangunan ekonomi, sosial, politik dan budaya kerana faktor-faktor kemanusiaan yang berindukkan ketidakfahaman dan tiadanya penghayatan mereka terhadap nilai-nilai tauhid dalam menguruskan bidang-bidang tersebut. Cabaran luaran seperti globalisasi, orientalisme, penularan faham liberalisme dan lain-lain juga perlu ditangani menerusi kefahaman terhadap prinsip-prinsip ajaran tauhid dan ini perlu di ketengahkan dalam kursus-kursus pengajian akidah. Kefahaman tentang hal-hal seperti ini diharapkan akan menjadi pemangkin kepada kejayaan usaha-usaha mengupaya ummah bagi mendepani cabaran-cabaran tersebut. Oleh kerana itu, konsep tauhid tidak hanya berkaitan dengan persoalan teologi semata-mata, tetapi juga berkaitan dengan antropologi, kosmologi, aksiologi dan kebudayaan.

Antara isu kalam adalah sam'iyyat. Ia tidak kurang pentingnya dalam kehidupan sesebuah masyarakat dan mampu mencetuskan perubahan sikap, perilaku peribadi, masyarakat dan negara dalam skala yang lebih besar. Justeru, UM menyusun silibus IAEU 2302: al-Sam'iyyat untuk membincangkan perihal perbahasan berkaitannya. UKM pula melalui penawaran kursus PH 2323: Isu Akidah Dalam al-Qur'an dan al-Sunnah tidak terkecuali membincangkan perbahasan berkenaan al-sam'iyyat.

Asas ilmu untuk seseorang pelajar memasuki pengajian Ilmu Kalam adalah pelajar perlu mengetahui nama-nama tokoh dan karya-karya yang membincangkan perbahasan asas ilmu akidah. UM menawarkan kursus IAEU 3120: Kajian Bibliografi Akidah dan Pemikiran Islam, UKM pula menawarkan kursus PH 2343: Kajian Teks Akidah dan Tasawuf dan PH 3142: Kajian Teks Usuluddin dan Falsafah. Manakala KUIS menawarkan kursus IBUM 2053: Kajian Bibliografi Usuluddin. Melalui maklumat terhadap tokoh dan karya-karya tersebut, akan membantu dan memudahkan pelajar untuk meneroka Ilmu Kalam yang sarat dengan nama-nama dan karya-karya ulama.

Antara sebab tertubuh dan terbinanya ideologi aliran klasik Islam adalah tahap mereka menterjemahkan ayat al-Quran dan Hadis. Seiring dengan itu, berkembangkan manhaj isbat (*isbat ma'na*), *tafwidh* dan *takwil* dalam memahami ayat al-Quran dan hadis. Di UM, perbahasan

mengenai tafsiran aliran klasik Islam terhadap nas al-Quran dan hadis dipelajari melalui kursus IAEU 2103: Metodologi Akidah Dalam al-Quran dan al-Sunnah dan IAEU 2310: Nusus al-Aqa'id. Manakala di UKM pulak melalui kursus PH 2323: Isu Akidah dalam al-Qur'an dan al-Sunnah.

Dalam isu yang lain pula, pengajian Ilm Kalam yang juga pernah dikenali sebagai *al-Fiqh al-Akbar* sepatutnya boleh melahirkan individu Muslim yang dapat menghayati dan melaksanakan *al-Fiqh al-Akbar* dengan cara yang sesempurna mungkin. Dalam bahasa yang mudah difahami, orientasi pengajian akidah tidak seharusnya hanya terhenti setakat bermatlamat untuk memahamkan pelajar tentang keesaan Allah SWT secara teoretikal dan bersifat kefasihan semata-mata, malahan tidak sekadar membincangkan perbahasan kalam seperti yang dikupas oleh mutakallimin, tetapi konteks hari ini, orientasi pengajian dan pengajaran Ilmu Kalam perlu diintegrasikan dengan falsafah klasik maupun falsafah moden.

Untuk mencapai hasrat tersebut, timbul pertanyaan apakah kelemahan pengajaran atau kelemahan muatan kandungannya yang tiada perbahasan falsafah dalam Ilmu Kalam. Atau kelemahan tersebut boleh dikaitkan dengan kegagalan pendekatan pengajaran yang digunakan oleh pengajar subjek Ilmu Kalam yang gagal mengaitkan Ilmu Falsafah dalam pengajaran Ilmu Kalam. Atau tiada usaha untuk membina silibus Ilmu Kalam yang merungkai Falsafah Ilmu, atau menilai sejahteranakah kebenaran pemikiran ketuhanan atau etika dalam Falsafah Barat.

Sesungguhnya jawapan-jawapan terhadap persoalan tersebut tidak mudah untuk diberikan oleh seseorang yang tidak menguasai Ilmu Falsafah Barat-falsafah Khatolik, Falsafah Islam, Ilmu Firaq Islam, Ilmu Akidah Islam dan Ilmu Kalam.

Bahkan pengajaran yang diberikan oleh pengajar kursus yang buta dalam pengajian Falsafah dan tradisi Ilmu Kalam bukan sahaja gagal menjelaskan hakikat yang sebenar perbahasan ilmu, tetapi menjadikan antara kursus-kursus dalam jurusan Usuluddin dan Akidah seperti tidak mempunyai kaitan antara satu sama lain.

## KESIMPULAN

Berdasarkan huraian tersebut, dirumuskan bahawa pada umumnya pengajian ilmu kalam yang ditawarkan oleh Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Islam Selangor telah menepati matlamat tujuan utama pengajian ilmu kalam berkisar tentang ketuhanan, kenabian dan sam'iyyat. Maksudnya dari segi teorinya ia telah membincangkan apa yang sepatutnya diajar dalam disiplin pengajian ilmu kalam. Namun pada silibus ilmu kalam tersebut, tidak dihubungkan dengan ilmu falsafah atau falsafah sains secara khusus. Tetapi cakupan sub perbahasan ilmu kalam yang lebih luas juga disediakan namun dibincangkan pada silibus yang khusus dan tersendiri seperti ilmu Akidah, ilmu Mantik, ilmu Falsafah, ilmu Bibliografi Usuluddin atau akidah dan ilmu Metodologi Akidah dalam al-Quran dan al-Sunnah. Walaupun pengajarannya dibuat secara terpisah, namun ia saling menyokong pembelajaran Ilmu Kalam.

## Rujukan

Al-Qurtubi, Abu Abdullah Muhammad bin Ahmad al-Ansari. 2002. *Al-Jami' li Ahkam al-Quran*. Kaherah: Dar al-Hadith.

Al-Tirmidhi, Abu 'Isa Muhammad Ibnu 'Isa. 1410H/1990. *Jami' al-Tirmidhi*. Cetakan bersama Tuhfah al-Ahwadhi li al-Mubarakfuri. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.

Al-Zuhaili, Wahbah. 1999. *Fiqh & Perundangan Islam*. Terj. Syed Ahmad Syed Hussain et.al. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Amran Muhammad. 2018. *Kalam Analitik Falsafah Sains, Peranan Kalam Analitik Sebagai Falsafah Sains Dalam Kritik Dan Sintesis Sains Islam Dan Sains Semasa*. Makalah Jemputan Bagi Multaqia Ilmuwan Usuluddin Pada 17 Disember 2018 di Universiti Kebangsaan Malaysia. <https://www.issimalaysia.org.my/kalam-analitik-falsafah-sains/>

Azizi Yahaya et.al, 2017. *Kaedah Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Bernstein, Douglas. 2010. *Essentials of Psychology*. Boston: Cengage Learning

Carnap, Rudolf. 1938. Logical Foundations of the Unity of Science Dalam *International Encyclopaedia of Unified Science*. Vol. 1 No. 1. Chicago: Chicago University Press.

Chua Yan Piaw. 2006. *Kaedah Dalam Statistik Penyelidikan 1*. Kuala Lumpur: Mc Graw-Hill.

Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin. 2016. *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Gillies, Donald. 1993. *Philosophy of Science in the Twentieth Century*. Oxford: Blackwell.

Ibn Khaldun. 2005. *The Muqaddimah: An Introduction to History*. terj. Franz Rosenthal. United States: Princeton University Press.

Ibnu Katsir. 2008. *Tafsir Ibnu Katsir*. terj. Abdullah bin Muhammad, Pustaka Imam Asy-Syafi'i.

Khalid Ismail & Muhammad Hazim Mohd Azhar. 2019. Falsafah Logik Aristotle: Implikasi, Reaksi Dan Interaksi Terhadapnya Dalam Dunia Keintelektualan Islam. Dalam *Manu Bil*. 32 (1), 93-124, 2021 (Jun). E-Issn 2590-4086

Mohd Fauzi Hamat. 2006. *Pengajian Akidah Di Institusi Pengadilan Tinggi Awam (Ipta) Di Malaysia: Analisis Terhadap Silibus Pengajian di Um Dan Ukm*. Kertas kerja untuk pembentangan dalam Seminar Pengkajian Islam Di Perguruan Tinggi Isiam: Malaysia-Indonesia, anjuran Institut Studi Islam Darussalam (ISID) Gontor dengan kerjasama Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur pada 6-7 Mei 2006 di ISID, Gontor, Ponorogo, Jawa Timur, Indoonesia.

Mohd Haidhar Kamarzaman. 2017. Ahli Sunah Waljamaah dan al-Asha'irah sebagai Aliran Islam Terawal di Nusantara: Suatu Analisis. Dalam Prosiding Seminar Gerakan Islah Di Dunia Islam: Pemikiran & Pengaruh Abu Hasan al-Ash'ari Dalam Masyarakat Melayu. 2017

Mohd Hamidi Ismail. 2019. *Falsafah Ilmu Kalam Sunni dalam memartabatkan akidah Tauhid Ilahi*.

[https://www.researchgate.net/publication/331587138\\_Falsafah Ilmu Kalam Sunni dalam memartabatkan akidah Tauhid Ilahi. 3 Mei 2019.](https://www.researchgate.net/publication/331587138_Falsafah_Ilmu_Kalam_Sunni_dalam_memartabatkan_akidah_Tauhid_Ilahi_3_Mei_2019)

Muhammad Rashidi Wahab & Syed Hadzrullathfi Syed Omar. 2013. Dalam *International Journal of Islamic Thought*. E-Issn 2289-6023

Othman lebar. 2017. *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Metode*. Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris

Schacter, Daniel 2011. Psychology. New York: Worth Publishers Schmidke, Sabine. 2016. *The Oxford Handbook of Islamic Theology*. Oxford: Oxford University Press.

Wan Suhaimi Wan Abdullah. 2019. *Pembaharuan Metodologi Dalam Pemikiran Al-Asha'irah*. Prosiding Seminar Kebangsaan Asyairah Ahli Sunah Waljamaah 3.0 (Sunni 2019). Melestarikan Warisan Pemikiran Salaf Dalam Masyarakat Malaysia.